

## Peranan Bahasa dalam Pembinaan Negara Bangsa di Malaysia dan Indonesia

### Role of Language in Nation Building in Malaysia and Indonesia

NAZRI MUSLIM & OTONG ROSADI

#### *ABSTRAK*

*Agenda pembinaan negara bangsa sangat relevan dan mendesak bagi Malaysia dan Indonesia untuk menangani pelbagai cabaran yang berlaku khususnya dari perspektif kepelbagaian budaya, bahasa, etnik dan agama. Pembinaan negara bangsa bermula dengan kewujudan bangsa dan bangsa tersebut melahirkan sebuah negara. Negara bangsa didefinisikan sebagai pembentukan negara berdasarkan kepada proses penyatuan bangsa yang diperkuatkan dengan persempadanan wilayah tertentu dalam pembentukan identiti sebuah wilayah. Malaysia dan Indonesia yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik telah menempuh cabaran dalam proses pembinaan negara bangsa yang melibatkan bahasa, agama, globalisasi, isu-isu perlembagaan dan lain-lain. Artikel ini akan menganalisis peranan bahasa khususnya bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai antara elemen utama dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia dan di Indonesia. Kajian ini menunjukkan bahawa pembinaan negara bangsa memerlukan penyertaan menyeluruh daripada setiap anggota masyarakat dan jentera kerajaan. Semua pihak perlu memahami, menghayati dan mengaplikasikan konsep pembinaan negara bangsa dalam menghasilkan proses pembinaan negara yang lebih kemas dan kukuh. Satu nilai yang dikongsi bersama perlu diwujudkan dan dihargai oleh seluruh warganegara Malaysia. Kajian ini menyimpulkan bahawa kunci kepada kejayaan Malaysia dalam perkara ini adalah pelaksanaan dalam aspek perpaduan dalam kepelbagaian dan perpaduan yang lahir dalam kepelbagaian.*

*Kata kunci:* Negara bangsa; bahasa Indonesia; bahasa Melayu; perlembagaan; etnik

#### *ABSTRACT*

*Malaysia and Indonesia need to resolve the myriad challenges that arise, particularly in terms of cultural, linguistic, racial, and religious diversity, through a nation-building strategy that is both important and urgent. The birth of a nation begins with the life of a community. The creation of a state centred on national unification is known as the demarcation of such territory in the formation of a region's identity. Malaysia and Indonesia, both multi-ethnic communities, have encountered difficulties in nation-building including language, faith, globalisation, constitutional problems, and other factors. The importance of language, in nation-building is examined in this article. This study shows that nation-building necessitates the complete involvement of all members of society as well as the government's machinery. In order to provide a more tidy and strong nation-building operation, both parties must recognise, respect, and implement the principle of nation-building. All Malaysians must contribute to the creation of a common value. The study concludes that adoption in the areas of unity in diversity and unity born in diversity is the path to Malaysia's progress in this regard.*

*Keywords:* Nation country; Indonesian language; Malay language; constitution; ethnic

#### PENGENALAN

Agenda pembinaan negara bangsa sangat relevan bagi Malaysia dan Indonesia dalam pelbagai cabaran yang berlaku. Sebelum kehadiran penjajah, pembinaan negara bangsa tidak pernah menjadi persoalan penting kerana Tanah Melayu terdiri daripada etnik Melayu yang dominan, kerajaan Melayu yang stabil di samping etnik lain yang diasimilasikan dengan budaya Melayu. Namun,

selepas kedatangan penjajah Inggeris dengan memperkenalkan dasar terbuka kepada imigran dari China dan India, telah mengubah wajah Malaysia daripada mono etnik kepada multi etnik dan persoalan negara bangsa mula diperbincangkan (Zaleha Embong et al. 2021). Tun Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Perniagaan Malaysia pada 29 Februari 1991 sewaktu memperkenalkan Wawasan 2020 menegaskan cabaran paling asas dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju mengikut acuan

sendiri ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Cabaran utama dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia ialah kepelbagaiannya bahasa, manakala bahasa adalah elemen utama dalam pembentukan negara bangsa.

Di Indonesia pula, proses pembinaan negara bangsa menjadi isu utama dalam sejarah perjuangan bangsa bermula sejak awal abad ke-20 iaitu apabila munculnya pergerakan politik kebangsaan dalam menentang penjajahan Belanda. Pitut Soeharto dan A. Zainoel Ihsan (1981) memetik pendapat Muh. Yamin iaitu dalam sebuah Risalah bertajuk "Bangsa dan Kebangsaan" bahawa bangsa Indonesia kini bangun dari tidurnya, dulu pernah berjaya dengan Sumpah Sriwidaya (686 M), kemudian Sumpah atau Janji Mahapatih Gajah Mada tahun (1340 M). Setelah itu, Indonesia tertutup dalam tidur panjangnya dengan kedatangan bangsa penjajah.

Pitut Soeharto dan A. Zainoel Ihsan (1981) seterusnya menyatakan kerana pesatnya pembangunan di kawasan Asia dan Afrika dan keinsafan diri, maka awal abad ke-20, mulai munculnya semangat kebangsaan Indonesia. Kemunculan semangat kebangsaan ini bersendiri kepada persatuan kebangsaan dan melalui persatuan ini yang mampu membangunkan bangsa yang tidur dan yang akan membawa kepada tercapainya cita-cita.

Pitut Soeharto dan A. Zainoel Ihsan (1981) turut merumuskan bahawa unsur-unsur yang membentuk bangsa adalah salah satunya adalah bahasa, selain geografi, peraturan etnologi, agama, susunan pemerintahan masa lalu, organisasi serta nasib dan kepentingan yang sama. Antara bahasa yang begitu banyaknya, maka bahasa Melayu yang menjadi *eenheidstaal* (bahasa kesatuan).

## KONSEP NEGARA BANGSA

Shamsul Amri Baharuddin (2012) dalam membincangkan konsep negara bangsa telah membahagikan kewujudan negara bangsa ini kepada tiga keadaan. Keadaan pertama ialah satu bangsa mewakili satu negara. Konsep negara bangsa bermula daripada satu ras yang membentuk bangsa dan mewujudkan satu negara. Justeru, ini akan melahirkan sebuah negara bangsa, seperti bangsa Jepun membentuk negara Jepun.

Keadaan kedua ialah bangsa tanpa negara. Terdapat sebilangan bangsa tanpa negara dan mereka menuntut bangsa mereka untuk bernegara dan mempunyai autonomi dan pemerintahan sendiri.

Contohnya, bangsa Melayu Patani di Selatan Thailand. Bangsa Melayu Patani dahulu merupakan sebuah kerajaan yang berautoriti dan mempunyai pemerintahan sendiri. Namun, akibat daripada penjajahan, Patani diserahkan kepada Thailand sedangkan bangsa Melayu Patani adalah beragama Islam dan berbudaya Melayu.

Keadaan ketiga ialah negara tanpa bangsa. Senario ini berlaku pada negara apabila kewujudan sesebuah negara terjadi dan diperakui kedaulatannya, tetapi tidak jelas dari segi identiti bangsa yang dibina. Kewujudan negara sebegini boleh dirujuk dalam konteks Malaysia. Malaysia lahir sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa dengan setiap etnik mengekalkan identiti masing-masing. Senario yang serupa bagi Indonesia yang terkenal sebagai sebuah negara yang terdiri daripada ratusan bangsa besar dan ribuan sub etnik dengan bahasanya masing-masing.

Negara bangsa adalah konsep dan ideologi yang lahir dalam sejarah bangsa Eropah yang menghadapi masalah nasionalisme, seterusnya menyebabkan berlakunya perperangan antara bangsa-bangsa Eropah dan mencetuskan revolusi. Ia merupakan suatu peralihan daripada penekanan terhadap monarki kepada kedaulatan terhadap negara. Umpamanya, Revolusi Perancis tahun 1789 menentang sistem feudal yang dianggap sebagai bermulanya perbaikan akademik dan politik bangsa Eropah tentang konsep negara bangsa (Mohamed Anwar Omar Din 2004).

Chambers' Encyclopedia (1973) memberi definisi pembinaan negara bangsa sebagai *a collective noun and may safe be agreed to connect a group of people possessed of certain distinctive characteristics, real or imagined, and united certain specialties, sentimental, political or both. This group must be of substantial size ... a society united under one government in a political state.* Dalam erti kata lain, negara bangsa itu merupakan satu proses melahirkan bangsa baru, yakni sebuah negara yang mempunyai kedaulatan di mana semua rakyatnya disatukan oleh ikatan seperti bahasa, budaya, nilai dan lain-lain lagi yang membentuk bangsanya. Tujuan utama pembinaan bangsa itu adalah untuk melahirkan perasaan taat setia dan perpaduan terhadap sesuatu bangsa dan negara.

Menurut Lee Kam Hing (2005) mengambil pendapat Tun Dr. Mahathir, iaitu "Bangsa Malaysia means people who are able to identify them self with the country, speak bahasa Malaysia and accept the constitution". Lee Kam Hing (2005) merumuskan

bahawa konsep negara bangsa dalam ucapan terakhir Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu, *Malaysia must be a country that is ethnical, integrated, living in harmony with full and fair partnership, made up of one ‘Bangsa Malaysia’, with political and dedication to the nation.* Takrifan tersebut bermakna bahawa semua warganegara Malaysia hendaklah dianggap sebagai rakyat Malaysia, tanpa mengira etnik dan mengikrarkan taat setianya kepada negara. Menurut Hassan Ahmad (2004), Tun Mahathir telah meletakkan tiga syarat utamanya, iaitu rakyat berbilang etnik di negara ini hendaklah mengidentifikasi diri mereka dengan negara ini, hendaklah bertutur dalam bahasa kebangsaan dan mendukung perlembagaan yang mengandungi kontrak sosial dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia.

### SEJARAH PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA DAN INDONESIA

Pembinaan negara bangsa di Malaysia melibatkan proses dan perjalanan sejarah yang panjang. Walaupun Malaysia telah merdeka lebih 65 tahun, tetapi apa yang dibentuk ialah sebuah negara dan bukannya sebuah negara bangsa. Menurut Abdul Rahman Embong (2015), apabila Malaysia diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957, apa yang lahir ialah sebuah negara dan bukannya sebuah bangsa. Begitu juga apabila Malaysia terbentuk pada 16 September 1963, apa yang wujud ialah negara Malaysia dan bukannya bangsa Malaysia. Justeru, Malaysia masih dalam proses pembentukan bangsanya berdasarkan acuan sendiri (Mohd Syariehudin Abdullah 2014).

Pembinaan negara bangsa bukan konsep yang baru, tetapi telah lama diperkatakan dan bermula di Eropah. Menurut Abdul Rahman Embong (2015), konsep negara bangsa di Eropah bermula apabila lahirnya kelompok bangsa yang menentang kuasa feudal dan proses pembentukan sistem baru yang dipanggil kapitalis. Kejayaan kapitalis membolehkan mereka berkuasa dan membentuk sebuah negara moden yang mana entiti negara ialah mempunyai sempadan atau wilayah tertentu dan juga adanya bangsa tertentu yang mendukung negara tersebut.

Menurut Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003), dalam proses modernisasi, setiap negara harus mengalami tiga tahap perkembangan dalam proses pembinaan negara bangsa, iaitu:

1. Pembentukan kuasa pusat iaitu merujuk kepada usaha menguatkuaskan kewibawaan awam ke seluruh negara;
2. Pembentukan negara yang bertujuan memupuk rasa sepunya, patriotisme dan semangat kesetiaan dalam kalangan rakyat; dan
3. Pembangunan negara bangsa iaitu merujuk kepada usaha menggerakkan seluruh sumber manusia dan material bagi mencapai kemajuan dan perpaduan.

Negara di Eropah telah mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikan proses pembinaan negara bangsa. Mereka juga tidak menghadapi masalah yang kritikal dalam pembinaan negara bangsa berbanding Malaysia. Keadaan berbeza di Malaysia kerana negara yang baharu mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua dan pada masa yang sama, perlu melaksanakan ketiga-tiga proses tersebut secara serentak dengan kadar yang lebih cepat berbanding dengan negara maju. Justeru, pembinaan negara bangsa dalam konteks Malaysia, masih terdapat banyak perkara yang masih belum dapat diselesaikan.

Demikian halnya dengan Indonesia, sebagai negara bangsa, yang lahir daripada perjalanan panjang sejarah perjuangan bangsa. Portal rasmi Indonesia menyebutkan Indonesia (<https://www.indonesia.go.id/profil/suku-bangsa>) memiliki 1.340 suku bangsa tahun 2010. Suku Jawa adalah kelompok terbesar di Indonesia dengan jumlah yang mencapai 41% daripada jumlah populasi. Sedangkan di Kalimantan dan Papua memiliki populasi kecil yang hanya beranggotakan ratusan orang. Pembahagian kelompok suku di Indonesia tidak mutlak dan tidak jelas, hal ini akibat daripada perpindahan penduduk, pencampuran budaya, dan saling mempengaruhi. Jumlah ini termasuk suku-suku pendatang yang sudah menetap bahkan lahir di Indonesia seperti Arab, Cina dan India.

Situasi dan realiti Indonesia yang beragam dan keperluan untuk terus hidup bersama menggapai cita negara bangsa mensyaratkan adanya kesedaran kolektif pentingnya untuk terus mendukung kebersamaan dalam *kebhinekaan* iaitu kepelbagaiannya. Perbezaan selain suku, agama, ras dan etnik, yang sebenarnya dinilai lebih berbahaya ialah perbezaan pilihan politik dan sikap pengamal keagamaan (Otong Rosadi 2020).

## CABARAN PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Hubungan etnik yang harmonis merupakan kunci pembinaan negara bangsa. Dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, mustahil negara ini dapat dibina jika hubungan etnik tidak dapat diuruskan dengan baik. Pembinaan negara bangsa memerlukan penekanan terhadap cabaran dalam menguruskan kepelbagaian. Kejayaan menguruskan kepelbagaian ialah kunci penting dalam mewujudkan kestabilan. Kejayaan kerajaan dalam menguruskan kepelbagaian agama, bahasa, budaya, pekerjaan, penempatan dan lain-lain lagi, menjadi elemen penting dalam pembinaan negara bangsa. Cabaran yang paling sukar dalam pembinaan negara Malaysia adalah untuk menyatukan pelbagai etnik yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, agama, bahasa dan pengalaman yang berbeza di bawah satu payung iaitu bangsa Malaysia (Nazri Muslim, Nik Yusri Musa dan Ahmad Hidayat Buang 2011).

Sedangkan di Indonesia, cabaran yang serupa, bahkan lebih kompleks lagi kerana Indonesia memiliki jumlah etnik yang jauh lebih banyak, bahasa daerah yang jumlahnya ratusan, perbezaan agama, dan elemen kepelbagaian lainnya. Selain dalam Perlembagaan Indonesia (UUD 1945) dan perundangan lainnya di bawah perlembagaan, Indonesia menguruskan kepelbagaian dalam masyarakat dengan membuat Forum Pembauran Kebangsaan (FPK) yang dikelolakan secara langsung di bawah Kementerian Dalam Negeri berdasarkan Peraturan Menteri Dalam Negeri Nomor 34 Tahun 2006 Tentang Pedoman Penyelenggaraan Pembauran Kebangsaan di Daerah (Otong Rosadi 2020).

Forum Pembauran Kebangsaan (FPK) bermula di level pemerintahan provinsi, diikuti FPK pemerintahan Kabupaten dan Kota, juga hingga di peringkat pemerintahan rendah iaitu Pemerintahan Desa, Kelurahan, Nagari atau Gampong. Bagi menguruskan kepelbagaian agama, Forum Kerukunan Umat Beragama (FKUB) diwujudkan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Agama.

## PERANAN BAHASA DAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Formula Malaysia dalam proses pembinaan negara bangsanya ialah formula tawar-menawar,

perundingan dan integrasi. Formula ini membolehkan Malaysia dibangunkan dengan mengekalkan budaya asal sesuatu etnik. Apabila kemerdekaan Tanah Melayu (1957) dan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia (1963), matlamatnya bukan untuk membentuk Bangsa Malaysia, tetapi membentuk sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa atau etnik yang mempunyai latar belakang berbeza sama ada daripada segi budaya, bahasa dan agama. Apa yang menariknya di sini ialah perbezaan ini tidak membawa kepada konflik yang boleh menghancurkan negara ini. Malahan, perkara ini menjadi kunci penting kepada pembinaan negara bangsa Malaysia (Nazri Muslim and Azizi Umar 2017).

Konsep sosial merupakan satu konsep yang luas yang terkandung di dalamnya elemen kemanusiaan dan kemasyarakatan yang secara jelas meliputi bahasa. Jelaslah, dalam masyarakat di Malaysia, wujud satu sifat saling menerima dan hormat-menghormati. Dalam aspek bahasa, walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa lain dibenarkan untuk digunakan pada pelbagai peringkat tanpa sekat. Menjadi perkara biasa di Malaysia iaitu masyarakat yang bukan berbangsa Melayu boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik (Nazri et al. 2019).

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan oleh masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Pada masa ini, bahasa Melayu merupakan salah satu antara bahasa utama di Asia Tenggara kerana bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan bagi empat buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan negara Brunei Darussalam (Amat Jauhari Moain 1989). Keempat-empat negara ini mempunyai jumlah penduduk melebihi 300 juta orang. Jumlah penduduk Indonesia sahaja, iaitu pada tahun 2020 berjumlah lebih 271 juta orang.

Bahasa Melayu merupakan salah satu cabang daripada keluarga besar bahasa Austronesia. Keluarga bahasa Austronesia itu terbahagi kepada empat cabang, iaitu Atayalic, Tsouic, Paiwanic dan Malayo-Polynesia. Sejarah juga telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah muncul sebagai bahasa yang berwibawa dan diterima umum di kepulauan Melayu berbanding dengan ratusan bahasa Nusantara yang juga berasal daripada bahasa Austronesia.

Bagi negara Indonesia, bahasa Indonesia menjadi alat penyatuan bangsa Indonesia. Semasa dalam penjajahan, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar perdagangan yang paling utama di

kawasan Nusantara. Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* masyarakat di kawasan Nusantara. Pada masa pergerakan kemerdekaan, lahirlah Sumpah Pemuda, 28 Oktober 1928 yang menyampaikan sumpah (janji) utusan pemuda Nusantara (Jawa, Batak, Ambon, Minang, dan pelbagai suku lainnya). Mereka bersumpah iaitu: (1) bertanah air yang satu tanah tumpah darah Indonesia, (2) berbangsa yang satu, bangsa Indonesia, (3) mengakui bahasa yang satu, bahasa Indonesia.

**PERUNTUKAN BAHASA MELAYU DALAM  
PERLEMBAGAAN MALAYSIA DAN BAHASA  
INDONESIA DALAM UNDANG-UNDANG  
DASAR 1945**

Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan disentuh dalam Perkara 152 iaitu: (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen: Dengan syarat bahawa:

- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
  - (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjelaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajaran bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.
- (2) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain.
- (3) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen:
- (a) segala Rang Undang-Undang yang hendak dibawa atau pindaan kepadanya yang hendak dicadangkan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen; dan
  - (b) segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.
- (4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris: Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.
- (5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.

- (6) Dalam Perkara ini, “maksud rasmi” ertiannya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Kedudukan Bahasa Melayu juga dinyatakan dalam Perkara 160B. Jika Perlembagaan ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan teks bahasa kebangsaan itu sebagai teks sahih, dan selepas itu, jika ada percanggahan atau perselisihan antara teks bahasa kebangsaan itu dengan teks bahasa Inggeris Perlembagaan ini, teks bahasa kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris itu (Nazri Muslim 2020).

Di Indonesia, ada tiga pasal dalam Undang-Undang Dasar (UUD) 1945 (The Constitution of the Republic of Indonesia), iaitu Pasal 32 ayat (2) yang dinyatakan: “Negara menghormati dan memelihara bahasa daerah sebagai kekayaan budaya nasional”. Kemudian dalam artikel lainnya iaitu Pasal 36 yang bunyinya: “Bahasa Negara ialah Bahasa Indonesia.” Pasal ini ada sejak awal UUD 1945 ditetapkan tanggal 18 Ogos 1945. Ketentuan pasal lainnya terdapat di Pasal 36C yang menyatakan “Ketentuan lebih lanjut mengenai Bendera, Bahasa, dan Lambang Negara, serta Lagu Kebangsaan diatur dengan undang-undang.”

**KEDUDUKAN BAHASA MELAYU DALAM  
PERLEMBAGAAN DAN BAHASA INDONESIA  
DALAM UUD 1945**

Di Indonesia dengan jelas menyebut dalam Pasal 36 UUD 1945 “Bahasa Negara ialah Bahasa Indonesia”. Maksudnya, sejak dari awal lagi ditetapkan dalam UUD tahun 1945, bahasa Indonesia telah dimasukkan dalam perlembagaan. Sedangkan untuk istilah Bahasa Malaysia, istilah ini tidak terdapat dalam perlembagaan tetapi Perkara 152 (1) memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Istilah bahasa Malaysia timbul selepas peristiwa 13 Mei 1969 untuk menggalakkkan orang bukan Melayu menggunakan bahasa kebangsaan. Di Amerika, orang memanggil bahasa Inggeris sebagai bahasa Inggeris, tidak bahasa Amerika dan begitu juga di Britain. Justeru, penggunaan istilah bahasa Malaysia itu tidak begitu menepati kehendak perlembagaan itu sendiri.

Peruntukan Perkara 150(6A) dengan terang menyatakan bahawa hal-hal yang berhubung dengan bahasa Melayu, walaupun dalam keadaan darurat adalah dilindungi oleh perlembagaan. Perkara 150(6A) ini penting kerana secara

umumnya perisyntihsaran darurat mempunyai kesan menggantung sebahagian besar peruntukan-peruntukan perlembagaan. Dengan kata lain, ia menyebut pengecualian terhadap bahasa Melayu kepada kuasa darurat yang luas itu (Abdul Aziz Bari 2005).

Kedudukan bahasa Melayu ini semakin jelas dalam perlombagaan melalui Perkara 10 (4) yang menjadikan bahasa Melayu adalah antara perkara sensitif yang dilarang daripada dibahaskan di tempat terbuka atas tujuan keselamatan dan ketenteraman awam. Kedudukan ini juga begitu kukuh kerana ia tidak dapat dipinda oleh Parlimen jika tidak mendapat sokongan dua pertiga setiap Dewan Parlimen dan perkenan Majlis Raja-Raja melalui Perkara 159 (5). Begitu juga dengan kedudukan sebagai bahasa rasmi bagi tujuan kerajaan, baik kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri dan termasuk apa-apa tujuan untuk sesuatu kuasa awam, hendaklah menggunakan bahasa Melayu kecuali atas beberapa perkara yang dibenarkan oleh undang-undang seperti yang termaktub dalam Seksyen 4, Akta Bahasa Kebangsaan. Antara pengecualian tersebut ialah bagi tujuan hubungan diplomatik dan latihan yang dijalankan oleh pakar-pakar asing (Nazri Muslim 2012).

Seterusnya, perkara ini ditambah lagi dengan peruntukan di bawah Perkara 160B yang menjelaskan bahawa jika perlombagaan diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan jika terdapat percanggahan teks terjemahan dengan teks dalam bahasa Inggeris, maka teks kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa kedudukan bahasa Melayu adalah lebih tinggi daripada bahasa Inggeris. Lebih menarik lagi kedudukan ini termaktub dan diterima dalam Perlombagaan Persekutuan yang merupakan sumber undang-undang tertinggi di Malaysia. Justeru, jika berlaku pertikaian dalam mana-mana perjanjian, maka perjanjian dalam bahasa Melayu diutamakan atau jika ingin dibuat perjanjian yang melibatkan dua pihak, sewajarnya perjanjian itu dibuat dalam bahasa Melayu (Nazri Muslim 2020).

Dalam pada itu, jika merujuk kepada Perlombagaan Indonesia atau Undang-Undang Dasar Negara 1945, menetapkan dalam satu Bab, iaitu Bab XV mengenai “Bendera Kebangsaan, Bahasa, Simbol dan Lagu Kebangsaan”. Pasal 35, bendera nasional Indonesia adalah Merah dan Putih (‘Sang Merah Putih’). Pasal 36, Bahasa nasional adalah bahasa Indonesia (‘Bahasa Indonesia’). Pasal 36A simbol nasional adalah burung garuda Pancasila (‘Garuda Pancasila’) dengan moto Bersatu dalam

Kepelbagaian (‘Bhinneka Tunggal Ika’). Pasal 36B, Lagu kebangsaan adalah Indonesia Raya. Pasal 36C, ketentuan lebih lanjut mengenai bendera, bahasa, lambang dan lagu kebangsaan akan ditetapkan lebih lanjut oleh undang-undang.

Undang-undang Republik Indonesia Nombor 24 Tahun 2019 mengenai Bendera, Bahasa, dan Lambang Kebangsaan, serta Lagu Kebangsaan. Pasal 25 ayat (1), Bahasa Indonesia yang diumumkan sebagai bahasa rasmi negara dalam Pasal 36 UUD 1945 dari Negara Republik Indonesia berasal dari bahasa yang diucapkan pada Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928 sebagai bahasa penyatuan selaras dengan perubahan mengikut tamadun negara. Pasal 25 ayat (2) Bahasa Indonesia yang dipersetujui dalam ayat (1) dilaksanakan sebagai identiti kebangsaan, kebanggaan nasional, alat penyatuan berbagai etnik, dan alat komunikasi antara daerah dan antara budaya daerah. Pasal 25 ayat (3), Bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi yang dipersetujui pada ayat (1) yang berfungsi sebagai bahasa rasmi negara, pengantar pendidikan, komunikasi peringkat kebangsaan, pengembangan pertanian kebangsaan, urusan perdagangan dan koordinasi, serta pengembangan dan bantuan sains, teknologi, seni, dan bahasa media massa.

Sementara Pasal 26, Bahasa Indonesia harus digunakan dalam peraturan perundangan. Pasal 27, Bahasa Indonesia harus digunakan dalam dokumen rasmi negara. Pasal 28, Bahasa Indonesia harus digunakan dalam pidato rasmi Presiden, Wakil Presiden dan pejabat negara yang disampaikan di dalam atau luar negeri.

#### PERANAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INDONESIA SEBAGAI ELEMEN PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA DAN INDONESIA

Bahasa kebangsaan termaktub dalam perlombagaan melalui Perkara 152 iaitu memperuntukkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu (mengikut implikasi yang diperlukan mestilah digunakan untuk maksud-maksud rasmi). Namun, perkara ini juga melindungi bahasa-bahasa lain dan seterusnya memperuntukkan bahawa tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (selain daripada maksud rasmi) atau mengajar atau belajar bahasa lain.

Melalui kontrak sosial, bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan. Peruntukan ini penting kerana bahasa merupakan penghubung antara masyarakat yang berbilang budaya dan etnik. Hal ini kerana kepelbagaian bahasa yang tidak

difahami secara meluas antara satu sama lain boleh menimbulkan salah faham yang akhirnya menjurus kepada ketegangan dan konflik (Nazri Muslim et al. 2019).

Selain itu, bahasa Melayu juga menjadi satu lambang penyatuan dan jati diri semua etnik selaras dengan prinsip “Bahasa Jiwa Bangsa”. Persefahaman menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga tidak menjelaskan penggunaan bahasa ibunda etnik lain malah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Sebelum Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu digunakan secara meluas bagi tujuan rasmi seperti mesyuarat, surat-menyurat, perundangan dan kehakiman di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, jabatan polis, dan sebagainya bagi memudahkan urusan pentadbiran kerana kakitangannya terdiri daripada pelbagai kaum (Mohd Salleh Abas 1985).

Perkara ini diperkuatkan lagi oleh hakikat bahawa bahasa Melayu diterima sebagai bahasa rasmi apabila Johor menerima penasihat Inggeris pada tahun 1914. Sebagai contoh, dalam surat bertarikh 11 Mei 1914, Sultan Ibrahim iaitu Sultan Johor menulis surat kepada Sir Arthur Young, Gabenor Singapura:

“Beta juga perlu meminta penerimaan Yang di Pertuan terhadap prinsip bahawa bahasa Melayu dan Inggeris harus diterima sebagai bahasa rasmi untuk digunakan di dalam mahkamah keadilan beta dan di dalam semua jabatan kerajaan beta. Berhubungan dengan penulisan bahasa Melayu, huruf Jawi perlu diberikan pengiktirafan rasmi”

(Maxwell & Gibson 1924).

Begini juga, pegawai-pegawai Eropah yang memegang lebih 95% jawatan Kumpulan I perlu mempelajari bahasa Melayu, mengambil ujian bahasa Melayu dan dikehendaki lulus, barulah boleh ditempatkan di Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu (Mohamed Suffian Hashim 1987). Keadaan ini menunjukkan bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa perantaraan rasmi walaupun di zaman penjajah Inggeris.

Ini telah diiktiraf oleh Tan Siew Sin dalam Majlis Perundangan Persekutuan, 10 Julai 1957 iaitu: “Masyarakat bukan Melayu menaruh harapan yang besar terhadap kebudayaan dan bahasa mereka. Biar saya nyatakan, sebagai contoh, Perlembagaan Reid sebagaimana rangka awalnya tidak menyebut apa-apa tentang mengekal dan mengembang bahasa Cina dan Tamil, ataupun bahasa-bahasa lain. Apabila dicadangkan kepada pemimpin Melayu bahawa perlombagaan sepatutnya dengan eksplisit

menyatakan pengekalan dan perkembangan keduanya bahasa Cina dan Tamil hendaklah digalakkan dan dipelihara, mereka bersetuju. Saya sebutkan kejadian ini untuk menunjukkan kepada mereka di luar bulatan bahawa pemimpin Melayu pada asasnya adalah adil dan berpandangan luas” (Nazri Muslim 2020).

Selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan kedudukan bahasa Melayu mula diketepikan. Sebagai contoh, di bawah Perlembagaan Malayan Union, bahasa rasmi untuk Majlis Mesyuarat Sultan-Sultan (setaraf dengan Majlis Raja-raja masa kini) ialah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Begitu juga halnya dengan bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Malayan Union ialah bahasa Inggeris. Walaupun Malayan Union dibubarkan akibat ditentang oleh orang Melayu, namun, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang menggantikannya juga telah mengekalkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan Persekutuan.

Penggunaan bahasa Inggeris diperkuatkan lagi di bawah peruntukan apa-apa yang perlu dicatat atau ditukar ke dalam bentuk penulisan, mesti dalam bahasa Inggeris (Mohd. Salleh Abas 1985). Penghakisan bahasa Melayu ini berlaku kerana penerimaan kepada sistem *common law* British dan sistem pentadbiran mereka. Perkara ini dilakukan dengan mengubah peranan British daripada menjadi penasihat kepada pemerintah iaitu perubahan daripada memerintah secara tidak langsung melalui Sultan kepada pemerintahan secara langsung (Nazri Muslim 2020).

Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957 telah menobatkan bersama bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar dan bahasa ilmu. Penggunaan serta fungsi bahasa Melayu semakin meluas dari suatu zaman ke zaman lain dengan penambahan kosa kata baharu yang berperanan melengkapi beberapa istilah serta ilmu baharu agar dapat difahami oleh seluruh masyarakat Malaysia. Maka tidak hairanlah bahasa Melayu pada hari ini semakin meluas fungsinya iaitu bukan sekadar sebagai alat komunikasi masyarakat Malaysia malah lebih daripada itu. Selain sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan, bahasa Melayu pada hari ini juga berperanan sebagai bahasa ilmu, bahasa perpaduan, bahasa pembentukan jati diri, dan sebagainya.

Ternyata, pemimpin terdahulu telah memutuskan bahawa sebuah negeri yang merdeka tidak dapat terus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa

rasmi jika hendak menyatupadukan penduduknya lebih-lebih lagi yang bersifat majmuk. Maka, orang bukan Melayu perlu menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama juga orang Melayu wajar menerima hak orang bukan Melayu untuk mengguna dan mempelajari bahasa ibunda mereka seperti yang termaktub dalam perlembagaan. Dalam konteks masyarakat majmuk, kelihatan sukar untuk setiap etnik berkompromi dalam hal budaya dan agama kerana ia amat sensitif. Maka, hanya bahasa yang boleh di kompromi untuk dikongsi bersama iaitu bahasa Melayu sebagai alat penyatuan etnik di Malaysia.

Seterusnya, bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan. Penduduk Malaysia yang berbilang etnik dan agama telah menjalani kehidupan sehari-hari mereka dengan penuh harmoni tanpa sebarang masalah. Kesemua etnik dapat hidup dengan aman dan sejahtera ke arah untuk membangunkan negara. Kesemua itu tidak akan berhasil sekiranya perpaduan yang utuh antara etnik tidak berlaku. Bahasa Melayu menjadi salah satu unsur terpenting, khususnya sebagai faktor penyatuan bangsa dan budaya masyarakat berbilang kaum (Asmah Hj. Omar 1979). Bahasa telah menjadi alat perpaduan yang menyatukan hati rakyat Malaysia yang tidak mengenal erti perbezaan agama, bangsa serta adat resam sesuatu bangsa. Mereka saling menerima serta menghormati segala amalan dan pegangan masing-masing dengan tidak mempersoalkan sebarang rasa tidak puas hati antara mereka. Hal ini jelas membuktikan bahawa bahasa dapat menjadikan hubungan silaturrahim antara masyarakat semakin erat dan terbukti benar apabila bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa utama dalam berkomunikasi.

Perpaduan sememangnya amat penting dalam sesebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik, agama, bangsa dan adat resam. Hal ini kerana, hanya perpaduan yang dapat menjamin kemajuan negara yang akan melahirkan sikap hormat-menghormati serta bekerjasama dalam mencapai matlamat negara mencapai negara maju. Dengan bahasa warisan, iaitu bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa perpaduan, ini telah merapatkan jurang perbezaan fahaman antara etnik. Bahasa Melayu telah berjaya membentuk sikap toleransi dalam memperkatakan sesuatu hal, terutamanya perkara yang berkaitan dengan sensitiviti sesebuah bangsa sama ada berkaitan isu agama, kepercayaan atau adat budaya kehidupan (Ain Nadzimah, Chan Swee dan Muhamad Nor Firdaus 2017).

Tanpa perpaduan yang kuat, segala matlamat dan gagasan yang dibuat, tidak dapat dicapai serta dilaksanakan dengan jayanya. Keberhasilan mengukuhkan perpaduan melalui bahasa warisan ini menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang memiliki keistimewaan tersendiri dalam membentuk persefahaman dalam kalangan rakyatnya yang berbilang etnik. Ternyata perpaduan merupakan tunjang keamanan dan kemajuan sesebuah negara dengan menjadikan bahasa sebagai alat untuk mencapai sasaran yang dikehendaki dan seterusnya merapatkan hubungan antara masyarakat.

Seterusnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang menunjukkan jati diri rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Bahasa Melayu kemudian diperkuuhkan dengan menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa pengantar dalam institusi pendidikan menerusi Akta Pendidikan 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Bahasa rasmi ialah bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan awam, bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Secara mudahnya dapatlah difahami bahawa bahasa rasmi merupakan bahasa yang digunakan dalam semua urusan terutamanya urusan pentadbiran negara, pendidikan, perniagaan, dan sebagainya.

Selain itu, peranan bahasa Melayu yang dikatakan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi juga telah mewujudkan lambang jati diri rakyat Malaysia apabila menuturkan bahasa Melayu secara keseluruhannya. Perkara ini diungkapkan dalam dasar bahasa yang merujuk kepada Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah memilih bahasa Melayu sebagai lambang jati diri warganegara Malaysia (Nazri Muslim 2020b). Bahasa sememangnya dapat membezakan identiti dan seterusnya membentuk jati diri sesebuah bangsa. Sebagai contoh, negara Jepun membentuk identiti mereka dengan memperkasakan dan mempertahankan bahasa mereka. Penggunaan bahasa ibunda mereka bukan sahaja dalam kalangan masyarakat malah dengan masyarakat luar yang datang ke negara mereka. Malah orang luar yang datang ke negara mereka amat sukar untuk menggunakan bahasa asing seperti bahasa Inggeris yang telah dianggap oleh negara barat sebagai bahasa global, sebaliknya perlu mempelajari bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi. Hal ini membuktikan betapa masyarakat Jepun amat mempertahankan

bahasa warisan atau bahasa ibunda mereka yang menjadi lambang jati diri mereka (Ain Nadzimah, Chan Swee dan Muhamad Nor Firdaus 2017).

Di Indonesia, bahasa Indonesia lahir daripada bahasa Melayu yang dulu menjadi bahasa *lingua franca*, iaitu sebagai bahasa perdagangan di Nusantara. Selepas merdeka, bahasa Indonesia dijadikan bahasa rasmi dan bahasa perpaduan melalui ‘Sumpah Pemuda’ yang diisytiharkan pada 28 Oktober 1928. Pada tahun 1945, bahasa Indonesia disahkan sebagai bahasa rasmi Indonesia di bawah Undang-Undang Dasar Negara (M. Mugni Assapari 2014).

Bangsa Indonesia, menurut UNESCO, memiliki ragam bahasa daerah sebanyak 640 bahasa daripada sebelumnya lebih daripada 726 bahasa daerah. Pengurangan jumlah ini, karena kurangnya perhatian pemerintah Indonesia memelihara bahasa daerah. Pada pindaan kedua UUD 1945 pada tahun 2000 telah dinyatakan dalam artikel 32 ayat (2) “Negara menghormati dan memelihara bahasa daerah sebagai kekayaan budaya nasional”. Menurut Jimly Asshiddiqie (2017) hal ini bererti negara bertanggungjawab untuk menjamin pengembangan bahasa-bahasa daerah itu daripada kemungkinan ancaman kepupusan.

Berdasarkan ketentuan perlumbagaan Pasal 36 UUD 1945 “Bahasa Negara ialah Bahasa Indonesia” dan Pasal 25 ayat (3) UU Nomor 39 Tahun 2009, bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi yang dipersetujui pada ayat (1) yang berfungsi sebagai bahasa rasmi negara, pengantar pendidikan, komunikasi peringkat kebangsaan, pengembangan pertanian kebangsaan, urusan perdagangan dan koordinasi, serta pengembangan dan bantuan sains, teknologi, seni, dan bahasa media massa. Maka bahasa Indonesia merupakan bahasa negara dan bahasa rasmi yang dipergunakan di Indonesia untuk semua aktiviti namun pada masa yang sama tetap menghormati bahasa-bahasa daerah sebagai kekayaan budaya nasional.

‘Bahasa Jiwa Bangsa’, itulah frasa yang sesuai untuk melambangkan signifikan sesuatu bahasa kepada bangsa di Malaysia. Slogan ini menjadi keramat yang meningkatkan perasaan sayang masyarakat Malaysia terhadap bahasa Melayu sebagai wadah dalam berkomunikasi. Sememangnya bahasa merupakan alat untuk berkomunikasi antara masyarakat dalam menyampaikan sesuatu maklumat (Nazri Muslim 2020a). Rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang etnik telah menerima bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan

oleh semua etnik sekian lamanya tanpa sebarang masalah. Penggunaan bahasa Melayu menjadi teras kepada identiti rakyat Malaysia oleh negara luar. Bahasa Melayu bukan sahaja digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi, malah telah dikembangkan penggunaannya dalam segala aspek ilmu seperti ilmu sains, matematik, ekonomi, agama, kedoktoran dan sebagainya.

Berikutnya sebagai bahasa ilmu. Dalam usaha negara ke arah membangunkan negara dari aspek ekonomi, pembangunan bahasa Melayu dilihat juga semakin pesat. Bahasa bukan sahaja menjadi alat bagi masyarakat Malaysia untuk berkomunikasi malah juga digunakan dalam pelbagai bidang. Antara bidang yang digunakan adalah seperti bidang ekonomi, sains, matematik dan sebagainya. Bahasa Melayu dilihat dapat digunakan dan disesuaikan dengan kemajuan teknologi baharu. Pelbagai istilah asing yang baharu seperti istilah bidang sains dapat diserap masuk dalam bahasa Melayu walaupun pada dasarnya merupakan bahasa pinjaman (Nazri Muslim 2020).

Bahasa Melayu telah terbukti sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan. Laporan Razak 1957 telah digubal dan dilaksanakan, dan seterusnya dalam Laporan Rahman Talib 1961. Laporan tersebut bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan sepenuhnya sebagai bahasa ilmu pengetahuan agar dapat berkembang menjadi bahasa moden yang diterima pakai oleh masyarakat dan mampu menjadi asas pembinaan negara yang maju dan disegani di mata dunia (Nazri Muslim et al. 2020).

Apabila sesebuah negara semakin pesat membangun, secara tidak langsung penggunaan bahasa juga semakin meluas khasnya sebagai bahasa ilmu. Perkembangan inovasi dalam pelbagai bidang telah membawa bahasa Melayu berkembang seiring dengan kemajuan yang dibawa masuk oleh negara maju yang lain. Sememangnya bahasa Melayu telah berjaya membuktikan bahawa keindahan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu itu bukan sahaja sebagai alat perpaduan dan lambang jati diri rakyat Malaysia, malah sebagai alat pembangunan negara. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam segala bidang tidak perlu disangkal sama sekali oleh mana-mana pihak atau individu kerana buktinya telah terpapar di depan mata dengan melihat kemajuan yang dikecapi tidak kira sama ada dalam bidang teknologi, sains, sumber manusia maupun ekonomi. Bahkan dalam politik juga telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu

digunakan secara ilmiah dalam mengutarakan idea serta cadangan apabila berada di Parlimen (Ain Nadzimah, Chan Swee dan Muhamad Nor Firdaus 2017).

Hal ini membuktikan bahawasanya bahasa Melayu bukanlah bahasa yang rendah kualitinya dan tidak dapat membina negara ke arah negara maju setanding negara maju yang lain. Keyakinan masyarakat dalam menilai dan mentafsir penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu perlu diperluas agar tersemat dalam hati setiap rakyat Malaysia bahawa bahasa Melayu ialah bahasa yang tinggi nilainya (Chan Swee, Ain Nadzimah dan Muhamad Nor Firdaus 2017).

Seterusnya, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa warisan. Kesedaran tentang kepentingan pengekalan bahasa Melayu sebagai khazanah warisan negara dengan pengisytiharan Hari Bahasa Sedunia oleh UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) pada tarikh 21 Februari setiap tahun bermula 2000. Melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), bahasa Melayu telah diisyiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada 10 Mei 2012 untuk mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa warisan negara yang dikategorikan dalam Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (*Intangible Heritage*). Dalam akta ini, bahasa tergolong kepada bentuk warisan tidak nyata yang turut dikelaskan bersama dengan nilai adat dan budaya serta persuratan untuk menghasilkan budaya ilmu dan kepakaran tertentu (Rosli Hj. Nor 2006).

## KESIMPULAN

Pembinaan negara bangsa memerlukan penyertaan menyeluruh daripada setiap anggota masyarakat dan jentera kerajaan. Rakyat Malaysia perlu memahami, menghayati dan mengaplikasikan konsep pembinaan negara bangsa supaya proses pembinaan negara bangsa menjadi lebih kukuh. Rakyat perlu bijak dan bersedia dalam menangani ancaman untuk memusnahkan negara bangsa. Satu nilai yang dikongsi bersama perlu diwujudkan dan dihargai oleh seluruh warganegara Malaysia. Justeru, pelbagai bahasa, adat dan budaya yang wujud dalam sesebuah masyarakat bukan merupakan alasan untuk tidak berjaya. Manakala bahasa Melayu telah terbukti sebagai elemen penting dan utama ke arah mencapai pembinaan negara bangsa

Malaysia. Malah, Malaysia telah membuktikan telah berjaya menguruskan negara dengan baik. Kunci kepada kejayaan Malaysia dalam perkara ini adalah pelaksanaan dalam aspek perpaduan dalam kepelbagaian dan kesepadan dalam kepelbagaian. Terbukti menunjukkan bahawa Bahasa Melayu merupakan elemen penting dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Rahman Embong. 2015. *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Edisi ke-2. Bangi, Malaysia: Penerbit UKM.
- Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Muhamad Nor Firdaus Wahidon. 2017. Sejarah dan perkembangan Bahasa Melayu. Dlm. *Bahasa Melayu: Pusaka Warisan*, disunting oleh Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng dan Che Ibrahim Salleh. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Amat Johari Moin. 1989. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1979. *Language Planning for Unity and Efficiency*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Chambers' Encyclopedia. 1973. Chicago: William Benton Publisher.
- Chan Swee Heng, Ain Nadzimah Abdullah & Muhamad Nor Firdaus Wahidon 2017. Bahasa Melayu sebagai bahasa warisan. Dlm. *Bahasa Melayu: Pusaka Warisan*, disunting oleh Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Che Ibrahim Salleh. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Hassan Ahmad. 2004. Kesusteraan dan Pembinaan Negara Bangsa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusteraan Melgyu (SAKM) VIII*, hlm. 1-13. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jimly Asshiddiqie. 2017. *Konstitusi Kebudayaan dan Kebudayaan Konstitusi*. Malang: Instran Publishing
- Lee Kam Hing. 2005. Writing Malaysia's Contemporary History. In Wang Gungwu. *Nation-building: Five Southeast Asian Histories*, hlm. 163-190. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- M. Mugni Assapari. 2014. Eksistensi Bahasa Indonesia Sebagai Bahasa Nasional dan Perkembangannya di Era Globalisasi. *Jurnal Bahasa, Seni dan Pengajarannya PRASI* 9(18): 29-37.
- Mahathir Mohamad. 1991. *Melangkah ke Hadapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maxwell & Gibson. 1924. *Treaties and Engagements Affecting Malay States and Borneo*. London: Truscott and Son Ltd.
- Mohamad Anwar Omar Din. 2004. Legitimasi Mitos dalam Pembinaan Negara Bangsa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusteraan Melayu (SAKM) VIII*, hlm.431-447. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Suffian Hashim. 1987. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abas. 1985. *Unsur-Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Mohd Syariefudin Abdullah. 2014. *MPU3113 Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Nazri Muslim, Osman Md Rasip, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Abdullah Ibrahim & Otong Rosadi. 2020. The application of the constitutional convention in Malaysia. *Journal of Politics and Law* 13(2): 155-163.
- Nazri Muslim, Wan Zulkifli Wan Hassan & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2020. Constitution and building of nation-state in Malaysia. *Journal of Politics and Law* 13(3):12-132.
- Nazri Muslim. 2020. *Islam Dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
- Nazri Muslim. 2020a. Buka Lembaran Sejarah Bongkar Budaya Toleransi. Muka Sepuluh. *Berita Harian*. 2 Februari.
- Nazri Muslim. 2020b. Strategi Pembinaan Negara bangsa Malaysia. *Buletin Citra*. Jilid 1. Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nazri Muslim. 2019. Socializing the constitution: Malaysian national agenda. *Asian Social Sciences* 15(11): 35-41.
- Nazri Muslim, Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamsari Alias, Norazila Mat & Abdullah Ibrahim. 2019. Malaysia federal constitution from constitutional sociology contexts. *Journal of Engineering and Applied Sciences* 14(11): 3761-3770.
- Nazri Muslim & Azizi Umar. 2017. Malay Royal Institution according to the federal constitution within the context of ethnic relations in Malaysia. *Akademika* 87(1): 35-48.
- Nazri Muslim. 2012. Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlumbaan persekutuan terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities* 19(2): 19-62.
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. 2011. Hubungan etnik di Malaysia dari perspektif Islam. *Kajian Malaysia* 29(1): 1-28.
- Otong Rosadi. 2020. Merajut Kebersamaan Dalam Kebhinekaan: Aktualisasi Pembauran Kebangsaan Di Provinsi Sumatera Barat. Seminar Forum Pembauran Kebangsaan Provinsi Sumatera Barat. 13 Februari. Badan Kesatuan Bangsa dan Politik Provinsi Sumatera Barat.
- Pitut Soeharto & A. Zainoel Ihsan. 1981. *Pertama Terbenam: Kumpulan Pidato*. Jakarta: Aksara Jayasakti
- Rosli Hj. Nor. 2006. National Heritage Act 2005. Seminar National Heritage Act 2005 di Cititel Mid Valley, Kuala Lumpur.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Edisi kedua. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Zaleha Embong, Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, Amaal Fadhlini Mohamed & Lina Mastura Jusoh. 2021. Principles of social integration in the constitution of Medina. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies* 10(1): 382-390.
- Zulhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani. 2003. *Pendidikan Negara Bangsa*. Kuantan: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Nazri Muslim  
Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: nazrim@ukm.edu.my

Otong Rosadi  
Universitas Ekasakti, Padang, Indonesia  
E-mel: otong\_rosadi@yahoo.co.uk

Diserahkan: 24 Februari 2021  
Diterima: 22 April 2021